

benar seperti kata Zul Yadain?” Para sahabat menjawab: “Ya.” Maka Rasulullah s.a.w. tampil ke hadapan lalu menyempurnakan sembahyang yang tertinggal. Selepas itu Baginda memberi salam. Kemudian bertakbir seraya bersujud seperti sujudnya dalam sembahyang (yang lain) atau lebih lama daripada itu. Selepas itu Baginda mengangkat kepalanya sambil bertakbir. Kemudian Baginda bertakbir seraya bersujud seperti sujudnya dalam sembahyang (yang lain) atau lebih lama daripada itu. Seterusnya beliau s.a.w. mengangkat kepalanya sambil bertakbir. Kadang-kadang mereka bertanya dia (Ibnu Sirin). Selepas itu beliau s.a.w. memberi salam? Jawabnya: “Saya diberitahu bahawa ‘Imraan bin Hushain berkata: “Kemudian beliau s.a.w. memberi salam.”⁷⁷³

بَابُ الْمَسَاجِدِ الَّتِي عَلَى طُرُقِ الْمَدِينَةِ وَالْمَوَاضِعِ الَّتِي صَلَّى فِيهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

62- Bab Masjid-Masjid Yang Terletak Di Jalan Madinah (Menuju Ke Mekah) Dan Tempat-Tempat Yang Pernah Nabi S.A.W. Bersembahyang Di Jalan Itu.⁷⁷⁴

⁷⁷³ Hadits ini dikemukakan oleh Bukhari pada tujuh tempat lain selain di sini. (1) dan (2) Di bawah *باب مَنْ لَمْ يَتَسَهَّدْ*. (4) Di bawah *باب إِذَا سَلَّمَ فِي رَكْعَتَيْنِ أَوْ فِي ثَلَاثٍ فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ*. (3) Di bawah *يَأْخُذُ الْإِمَامُ إِذَا شَكَّ يَقُولُ النَّاسُ بَابَ مَا يَجُوزُ مِنْ ذِكْرِ النَّاسِ نَحْوَ قَوْلِهِمْ الطَّوِيلُ وَالْقَصِيرُ*. (6) Di bawah *باب يَكْبَرُ فِي سَجْدَتِي السُّهُو*. (5) Di bawah *فِي سَجْدَتِي السُّهُو*. (7) Di bawah *بَابُ مَا جَاءَ فِي إِجَازَةِ خَيْرِ الْوَاحِدِ الصَّنُوقِ*. Antara pengajaran, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sujud sahwi adalah dua kali sujud walaupun kesilapan yang berlaku di dalam sembahyang bukan satu atau dua sahaja. (2) Hadits ini menjadi dalil kepada golongan yang berpendapat bahawa sujud sahwi di lakukan selepas salam. (3) Hadits ini menjadi pegangan kepada para ulama yang berpendapat bahawa sah sembahyang orang yang terlupa dalam sembahyangnya sehingga pergi dari tempat sembahyang, tetapi setelah ingat dia kembali semula ke tempat sembahyang untuk menyempurnakan sembahyangnya. (4) Segolongan ulama berdalil dengan hadits ini bahawa sembahyang ma'mum yang menegur kesalahan (sembahyang) imamnya dalam sembahyang adalah sah. Sembahyang imam dan ma'mum dalam keadaan terlupa juga tidak membatalkan sembahyang. (5) Di dalam hadits ini juga terdapat dalil bahawa tidak berdusta orang yang berkata dengan terlupa, saya tidak lakukan begini-begini padahal dia memang melakukannya. (6) Keharusan menggelar seseorang dengan sesuatu gelaran dengan maksud pengenalan bukan dengan maksud penghinaan terhadapnya. (7) Hadits ini merupakan dalil kepada keharusan bertasybik (menyilangkan jari-jemari) di dalam masjid. (8) Keadaan orang yang dirundung kesedihan atau gangguan fikiran akan tergambar pada tingkah lakunya. (9) Perasaan hormat dan gerun para sahabat agung Nabi s.a.w. kepada Baginda. (10) Gambaran perawi yang betul-betul hidup terhadap segala perbuatan dan tingkah laku Rasulullah s.a.w. (11) Orang-orang yang mahu pergi cepat, boleh keluar dengan segera dari masjid sebaik saja selesai bersembahyang. (12) Rasulullah s.a.w. dan para nabi yang lain juga boleh terlupa dan tersalah walaupun dalam hal-hal yang berkaitan dengan ugama. Cuma mereka akan terus ditegur Allah atau diberi peringatan dengan apa cara sekalipun. (13) Di sebalik setiap perkara yang berlaku ke atas diri kita sama ada yang menyenangkan atau menyusahkan, pasti ada hikmat Allah yang tersembunyi. (14) Tidak tersebut di dalam mana-mana riwayat, Nabi s.a.w. mengajarkan atau menyatakan apa yang harus dibaca ketika bersujud sahwi.

⁷⁷⁴ Bab ini diadakan Bukhari selain untuk menentukan tempat-tempat sembahyang Rasulullah s.a.w. di sepanjang perjalanan Baginda ke Mekah semasa mengerjakan haji wadaa', ia juga dibuat untuk menyatakan keharusan bertabarruk dengan masyaahid atau kesan-kesan peninggalan nabi-nabi dan orang-orang soleh. Hampir kesemua pensyarah Sahih Bukhari menerima apa yang penulis sebutkan itu sebagai salah satu maksud Bukhari mengadakan bab ini. Guru penulis Maulana Mufti Wali Hasan Khan

461- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الْمُقَدَّمِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا فَضِيلُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عُقْبَةَ قَالَ رَأَيْتُ سَالِمَ ابْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَتَحَرَّى أَمَاكِينَ مِنَ الطَّرِيقِ فَيُصَلِّي فِيهَا وَيُحَدِّثُ أَنَّ أَبَاهُ كَانَ يُصَلِّي فِيهَا وَأَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي تِلْكَ الْأَمْكِنَةِ وَحَدَّثَنِي نَافِعٌ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ كَانَ يُصَلِّي فِي تِلْكَ الْأَمْكِنَةِ وَسَأَلْتُ سَالِمًا فَلَا أَعْلَمُهُ إِلَّا وَافَقَ نَافِعًا فِي الْأَمْكِنَةِ كُلِّهَا إِلَّا أَنَّهُمَا اخْتَلَفَا فِي مَسْجِدٍ بِشَرْفِ الرُّوحَاءِ

461- Muhammad bin Abi Bakr al-Muqaddami meriwayatkan kepada kami, katanya:
Fudhail bin Sulaiman meriwayatkan kepada kami, katanya: Musa bin 'Uqbah

berpendapat, memang boleh bertabarruk tetapi dengan dua syarat. Pertama: Tidak menganggapnya sesuatu yang wajib. Kedua: Jangan memandai-mandai menentukan pahala atau kelebihannya. Dalam perjalanan dari Madinah ke Mekah semasa mengerjakan haji wadaa' itu, Nabi s.a.w. telah berhenti pada beberapa tempat untuk bersembahyang. Di sebahagian daripada tempat-tempat itu kemudiannya dibina masjid. Di sebahagian yang lain pula tidak. Para sahabat yang turut serta dalam perjalanan itu mengetahui tempat-tempat berkenaan dengan penuh yakin. Ibnu 'Umar adalah antara sahabat yang bukan sahaja mengetahui tentangnya dengan yakin, beliau bahkan berhenti bersembahyang di tempat-tempat yang pernah Rasulullah s.a.w. berhenti bersembahyang setiap kali melalui jalan yang sama. Ibnu Abi Syaibah, as-Samhudi dan lain-lain menulis secara terperinci berhubung dengan masjid-masjid di sekitar Madinah dan masjid-masjid atau tempat-tempat sembahyang Rasulullah s.a.w. di sepanjang perjalanan Baginda s.a.w. menuju ke Mekah semasa mengerjakan haji wadaa'. Oleh kerana riwayat-riwayat yang dikemukakan mereka tidak menepati syarat Sahih Bukhari, maka Bukhari tidak menyebutkannya di dalam Sahihnya ini. Kalau Ibnu 'Umar berhenti bersembahyang di tempat-tempat yang pernah Rasulullah s.a.w. berhenti bersembahyang, tidak kerana lain melainkan kerana mengikut jejak Rasulullah s.a.w., ayahnya 'Umar pula tidak bersikap begitu. Pernah dalam satu perjalanan ke Mekah 'Umar melihat orang berkejaran pergi ke suatu tempat. Apabila ditanya kenapa mereka berkejaran ke sana? Jawab mereka, Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang di situ. Maka berkatalah 'Umar: إنما هلك من كان قبلكم بأشياء ذلك يتبعون آثار أنبيائهم فاتخذوها كناس وبيعا من أدركته الصلاة في شيء من هذه المساجد التي صلى فيها رسول الله صلى الله عليه وسلم فليصل فيها وإلا فلا يتعمد لها Bermaksud: "Sesungguhnya umat sebelum kamu binasa kerana perkar-perkara spt inilah. Mereka menjejaki peninggalan nabi-nabi mereka lalu ia dijadikan gereja dan biara. Sesiapa yang mendapat waktu sembahyang di mana-mana masjid (tempat sembahyang) yang pernah Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang di situ, dia boleh bersembahyang di situ. Kalau tidak, janganlah tempat itu menjadi tujuannya." (Hadits riwayat at-Thahaawi di dalam Musykil al-Aatsaar). 'Abdur Razzaq juga meriwayatkan perkara yang sama dengan sedikit perbezaan pada lafaz di dalam Mushannafnya. Saiyyidina 'Umar bersikap begitu kerana bimbang orang-orang yang jahil akan menganggapnya sebagai sesuatu yang wajib. Keadaan itu juga mungkin boleh menimbulkan pelbagai amalan bid'ah. Ringkasnya 'Umar bersikap begitu untuk menjaga agama daripada bid'ah. Ibnu 'Umar pula menjejaki perjalanan Rasulullah s.a.w. untuk menjaga dan menghidupkan sunnah Baginda s.a.w. Sikap kedua-dua mereka adalah betul. Memang jelas tersebut di dalam riwayat-riwayat yang sahih bahawa para sahabat menjemput Rasulullah s.a.w. datang bersembahyang di rumah-rumah mereka untuk mendapat berkat sembahyang Baginda. Selepas itu mereka jadikan tempat sembahyang Rasulullah di mana-mana bahagian rumah mereka itu sebagai tempat sembahyang mereka pula. Rasulullah s.a.w. berhenti bersembahyang di Masjid al-Aqsha kerana sekian ramai nabi dan rasul sebelumnya telah bersembahyang di masjid itu. Abu Mahzurah r.a. tidak pernah dan tidak mahu mencukur jambulnya, tidak kerana lain melainkan kerana jambulnya telah disapu oleh Rasulullah s.a.w. Ummu Salamah menyimpan sebahagian rambut Rasulullah s.a.w. Apabila ada sesiapa sakit, diceluplah beberapa helai rambut Baginda itu ke dalam air lalu diberi minum kepada yang sakit, dia sembuh. Inilah sebahagian daripada contoh tabarruk (mengambil berkat) para sahabat dengan peninggalan Rasulullah s.a.w. Kata al-Qasthallaani: "Memelihara perbezaan pendapat dalam agama di antara 'Umar dan anaknya besar faedahnya. Pada mengikut jejak Rasulullah s.a.w. terdapat berkat dan memuliakan Baginda s.a.w. Pada larangan 'Umar pula terdapat keselamatan dalam mengikut Sunnah daripada bid'ah. Tidakkah engkau perhatikan peringatan 'Umar bahawa tempat-tempat yang Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang itu bukan merupakan syi'ar agama atau syi'ar dalam ibadat haji dan 'umrah. Kedudukannya juga tidak sama dengan tiga buah masjid yang telah jelas ada kelebihannya."

meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya pernah melihat Saalim bin `Abdillah mencari-cari beberapa tempat di jalan itu (jalan Madinah menuju ke Mekah) untuk bersembahyang. Dia menceritakan bahawa ayahnya (`Abdullah bin `Umar) selalu bersembahyang di situ dan sesungguhnya beliau melihat Nabi s.a.w. bersembahyang di tempat-tempat itu. Musa bin `Uqbah berkata: Naafi` meriwayatkan kepadaku daripada Ibni `Umar bahawa beliau (Ibnu `Umar) bersembahyang di tempat-tempat itu. Saya juga telah bertanya Saalim. Nampaknya beliau bersetuju dengan Naafi` tentang semua tempat-tempat itu. Mereka berdua cuma berbeza pendapat tentang masjid di Syaraf al-Rauhaa'.⁷⁷⁵

462- حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ الْحِزَامِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ عِيَاضٍ قَالَ حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عُقْبَةَ عَنْ نَافِعٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْزِلُ بِبَيْتِ الْحَلِيفَةِ حِينَ يَعْتَمِرُ وَفِي حَجَّتِهِ حِينَ حَجَّ تَحْتَ سَمُرَةٍ فِي مَوْضِعِ الْمَسْجِدِ الَّذِي بِبَيْتِ الْحَلِيفَةِ وَكَانَ إِذَا رَجَعَ مِنْ غَزْوٍ كَانَ فِي تِلْكَ الطَّرِيقِ أَوْ حَجَّ أَوْ عُمَرَةَ هَبَطَ مِنْ بَطْنٍ وَإِذَا ظَهَرَ مِنْ بَطْنٍ وَإِذَا أَخَا بِالْبَطْحَاءِ الَّتِي عَلَى شَفِيرِ الْوَادِي الشَّرْقِيِّ فَعَرَسَ ثُمَّ حَتَّى يُصْبِحَ لَيْسَ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الَّذِي بِحِجَارَةٍ وَلَا عَلَى الْاَكْمَةِ الَّتِي عَلَيْهَا الْمَسْجِدُ كَانَ ثُمَّ خَلِيجَ يُصَلِّي عَبْدُ اللَّهِ عِنْدَهُ فِي بَطْنِهِ كُنْتُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يُصَلِّي فَدَحَا السَّبِيلُ فِيهِ بِالْبَطْحَاءِ حَتَّى دَفَنَ ذَلِكَ الْمَكَانَ الَّذِي كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُصَلِّي فِيهِ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى حَيْثُ الْمَسْجِدُ الصَّغِيرُ الَّذِي دُونَ الْمَسْجِدِ الَّذِي بِشَرَفِ الرُّوحَاءِ وَقَدْ كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يَعْلَمُ الْمَكَانَ الَّذِي كَانَ صَلَّى فِيهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ ثُمَّ عَنْ يَمِينِكَ حِينَ تَقُومُ فِي الْمَسْجِدِ تُصَلِّي وَذَلِكَ الْمَسْجِدُ عَلَى حَافَةِ الطَّرِيقِ الْيَمْنَى وَأَنْتَ ذَاهِبٌ إِلَى مَكَّةَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْمَسْجِدِ الْاَكْبَرِ رَمِيَّةً بِحَجَرٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ وَأَنَّ ابْنَ عُمَرَ كَانَ يُصَلِّي إِلَى الْعِرْقِ الَّذِي عِنْدَ مُنْصَرَفِ الرُّوحَاءِ وَذَلِكَ الْعِرْقُ انْتِهَاءُ طَرَفِهِ عَلَى حَافَةِ الطَّرِيقِ دُونَ الْمَسْجِدِ الَّذِي بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْمُنْصَرَفِ وَأَنْتَ ذَاهِبٌ إِلَى مَكَّةَ وَقَدْ ابْتَنَيْتَ ثُمَّ مَسْجِدٌ فَلَمْ يَكُنْ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ يُصَلِّي فِي ذَلِكَ الْمَسْجِدِ كَانَ يَتْرُكُهُ عَنْ يَسَارِهِ وَوَرَاءَهُ وَيُصَلِّي أَمَامَهُ إِلَى الْعِرْقِ نَفْسِهِ وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ يَرُوحُ مِنَ الرُّوحَاءِ فَلَا يُصَلِّي الظُّهَرَ حَتَّى يَأْتِيَ ذَلِكَ الْمَكَانَ فَيُصَلِّي فِيهِ الظُّهَرَ وَإِذَا أَقْبَلَ مِنْ مَكَّةَ فَإِنْ مَرَّ بِهِ قَبْلَ الصُّبْحِ بِسَاعَةٍ أَوْ مِنْ آخِرِ السَّحَرِ عَرَسَ حَتَّى يُصَلِّيَ بِهَا الصُّبْحَ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْزِلُ تَحْتَ سَرْحَةٍ ضَخْمَةٍ دُونَ الرُّوَيْثَةِ عَنْ يَمِينِ الطَّرِيقِ وَوَجَاهُ الطَّرِيقِ فِي مَكَانٍ بَطْحٍ سَهْلٍ حَتَّى يُفْضِيَ مِنْ اَكْمَةٍ دُونِ بَرِيدِ الرُّوَيْثَةِ بِمِثْلَيْنِ وَقَدْ اِنْكَسَرَ أَعْلَاهَا فَأَثْنَى فِي جَوْفِهَا وَهِيَ قَائِمَةٌ عَلَى سَاقٍ وَفِي سَاقِهَا كُتُبٌ كَثِيرَةٌ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى

⁷⁷⁵ Nama satu tempat sejauh tiga puluh enam batu dari Madinah berdasarkan riwayat Muslim di dalam Bab al-Azan. Nabi s.a.w. pernah bersabda tentangnya, kata Baginda: "Ini adalah salah satu lembah syurga. Tujuh puluh orang nabi a.s. sebelumku telah bersembahyang di sini. Musa bin `Imraan a.s. pernah lalu di sini dalam keadaan berihraam ketika Baginda a.s. mengerjakan haji dan `umrah bersama tujuh puluh ribu orang Bani Isra'il.

فِي طَرَفِ ثَلَاثَةٍ مِنْ وَرَاءِ الْعَرْجِ وَأَنْتَ ذَاهِبٌ إِلَى هَضْبَةٍ عِنْدَ ذَلِكَ الْمَسْجِدِ فَيَرَانِ أَوْ ثَلَاثَةً عَلَى الْقُبُورِ رَضَمٌ مِنْ حِجَارَةٍ عَنْ يَمِينِ الطَّرِيقِ عِنْدَ سَلَمَاتِ الطَّرِيقِ بَيْنَ أُولَئِكَ السَّلَمَاتِ كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يَرُوحُ مِنَ الْعَرْجِ بَعْدَ أَنْ تَمِيلَ الشَّمْسُ بِالْهَاجِرَةِ فَيُصَلِّي الظُّهْرَ فِي ذَلِكَ الْمَسْجِدِ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَزَلَ عِنْدَ سَرَاحَاتٍ عَنْ يَسَارِ الطَّرِيقِ فِي مَسِيلٍ دُونَ هَرَشَى ذَلِكَ الْمَسِيلِ لاصِقٍ بِكَرَاعِ هَرَشَى بَيْنَهُ وَبَيْنَ الطَّرِيقِ قَرِيبٌ مِنْ غُلُوَةٍ وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُصَلِّي إِلَى سَرَاحَةٍ هِيَ أَقْرَبُ السَّرَحَاتِ إِلَى الطَّرِيقِ وَهِيَ أَطْوَلُهُنَّ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْزِلُ فِي الْمَسِيلِ الَّذِي فِي أَدْنَى مَرِّ الظُّهْرَانِ قَبْلَ الْمَدِينَةِ حِينَ يَهْطُ مِنَ الصَّفَرَاوَاتِ يَنْزِلُ فِي بَطْنِ ذَلِكَ الْمَسِيلِ عَنْ يَسَارِ الطَّرِيقِ وَأَنْتَ ذَاهِبٌ إِلَى مَكَّةَ لَيْسَ بَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ الطَّرِيقِ إِلَّا رَمِيَةٌ بِحَجَرٍ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْزِلُ بِذِي طَوَى وَيَبِيتُ حَتَّى يُصْبِحَ يُصَلِّي الصُّبْحَ حِينَ يَفْدُمُ مَكَّةَ وَمُصَلَّى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ عَلَى أَكْمَةِ غَلِيطَةٍ لَيْسَ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي بُنِيَ ثُمَّ وَلَكِنْ أَسْفَلَ مِنْ ذَلِكَ عَلَى أَكْمَةِ غَلِيطَةٍ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَقْبَلَ فُرْضَتِي الْجَبَلِ الَّذِي بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَبَلِ الطَّوِيلِ نَحْوَ الْكَعْبَةِ فَجَعَلَ الْمَسْجِدَ الَّذِي بُنِيَ ثُمَّ يَسَارَ الْمَسْجِدِ بِطَرَفِ الْأَكْمَةِ وَمُصَلَّى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْفَلَ مِنْهُ عَلَى الْأَكْمَةِ السَّوْدَاءِ تَدْعُ مِنَ الْأَكْمَةِ عَشْرَةَ أَذْرُعٍ أَوْ نَحْوَهَا ثُمَّ تُصَلِّي مُسْتَقْبِلَ الْفُرْضَتَيْنِ مِنَ الْجَبَلِ الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَ الْكَعْبَةِ

462- Ibrahim bin al-Munzir al-Hizaami meriwayatkan kepada kami, katanya: Anas bin 'Iyaadh meriwayatkan kepada kami, katanya: Musa bin 'Uqbah meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' bahawa 'Abdullah bin 'Umar memberitahunya bahawa Rasulullah s.a.w. berhenti di Zil Hulaifah⁷⁷⁶ ketika Baginda mengerjakan 'umrah dan hajinya di bawah pokok samurah,⁷⁷⁷ dekat dengan masjid di Zil Hulaifah. Apabila pulang dari sesuatu peperangan, haji atau 'umrah dan (kebetulan) berada di jalan itu, Rasulullah s.a.w. akan turun di satu lembah (Wadi al-'Aqiq). Apabila naik dari lembah itu, Baginda akan menghentikan untanya di Bathaa'⁷⁷⁸ yang terletak di tepi lembah itu di sebelah timur. Di situlah Nabi s.a.w. berhenti rehat di waktu malam hingga ke pagi. Bukan dekat masjid yang yang dibuat dengan batu itu, bukan juga di tanah tinggi yang ada masjid itu. Dahulu ada lembah yang dalam di sana. 'Abdullah (bin 'Umar) bersembahyang dekat situ. Di perut lembah itu ada timbunan-timbunan pasir. Rasulullah s.a.w. selalu

⁷⁷⁶ Zil Hulaifah ialah miqaat penduduk Madinah. Di situlah orang-orang yang datang dari Madinah atau dari arahnya memakai ihraam untuk mengerjakan haji atau 'umrah. Ia terletak sejauh empat batu dari Madinah dan sejauh seratus sembilan puluh lapan batu dari Mekah. Kata Ibnu at-Ti'in, Zil Hulaifah adalah miqaat paling jauh sebagai penghormatan kepada ihraam Nabi s.a.w.

⁷⁷⁷ Sejenis pokok besar yang berduri. Ia dipanggil juga Ummu Ghailan dan pokok Thalh.

⁷⁷⁸ Bathaa' ialah tempat laluan air dari lembah. Di situ terkumpul banyak anak-anak batu.

bersembahyang di situ. Kemudian banjir telah menghanyutkan anak-anak batu sehingga menimbulkan tempat yang 'Abdullah selalu bersembahyang. (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan lagi bahawa Nabi s.a.w. pernah bersembahyang di tempat masjid kecil (yang ada pada ketika itu) sebelum masjid yang terletak di Syaraf ar-Rauha'. 'Abdullah bin 'Umar memang tahu tempat di mana Nabi s.a.w. telah bersembahyang itu. Beliau berkata: Tempat itu di sebelah kanan engkau ketika engkau berdiri untuk bersembahyang. Masjid (kecil) itu terletak di tepi sebelah kanan jalan kalau engkau hendak pergi ke Mekah. (Jarak) Di antara masjid itu dengan masjid besar (selepasnya ialah) sepelontaran batu atau lebih kurang sejauh itulah. Ibnu 'Umar bersembahyang ke arah 'Irq (anak bukit) yang berhampiran dengan tempat berangkat di Rauha'. 'Irq (anak bukit) itu memanjang di tepi jalan sebelum masjid yang terletak di antara tempat berangkat itu, apabila engkau pergi ke Mekah. Di situ kemudiannya dibina sebuah masjid. Tetapi 'Abdullah bin 'Umar tidak bersembahyang di masjid itu. Beliau membiarkan masjid itu berada di sebelah kiri dan belakangnya dan bersembahyang dengan menghadap ke arah 'Irq (anak bukit) itu sendiri. 'Abdullah berangkat dari Rauha' dan beliau baru bersembahyang zohor apabila sampai ke tempat tadi. Apabila datang dari Mekah, sekiranya beliau lalu di jalan tersebut seketika sebelum subuh atau di akhir waktu sahur, beliau akan berhenti rehat sehingga bersembahyang subuh di situ. 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. berhenti di bawah satu pokok besar sebelum Ruwaitsah⁷⁷⁹ di sebelah kanan jalan, berhadapan dengan jalan di kawasan yang luas dan rata. Kemudian baginda s.a.w. berangkat dari satu kawasan tanah tinggi yang terletak sejauh dua batu dari perhentian pos Ruwaitsah. Bahagian atas pokok besar itu telah pun patah dan ia condong (tumbang) ke bahagian tengahnya. Pokok itu bagaimanapun masih berdiri tegak lagi. Di pangkalnya terdapat beberapa timbunan pasir. (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersembahyang di pinggir tanah tinggi dekat 'Arj,⁷⁸⁰ kalau engkau pergi ke tanah tinggi yang rata (di situ). Dekat masjid (tempat sembahyang rasulullah s.a.w.) itu ada dua tiga buah kubur. Di atas kubur-kubur itu ada batu-batu besar. Ia terletak di sebelah kanan jalan dekat batu-batu

⁷⁷⁹ Ruwaitsah ialah sebuah kampung besar. Ia terletak sejauh tujuh belas farsakh (kira-kira lima puluh satu batu) dari Madinah. Jarak di antaranya dengan ar-Rauhaa' ialah tiga belas batu.

⁷⁸⁰ 'Arj ialah sebuah kampung besar terletak di jalan Madinah menuju ke Mekah. Jarak di antaranya dengan Ruwaitsah ialah empat belas batu dan jarak di antaranya dengan Madinah ialah 113km.

besar jalan. Melalui jalan itulah 'Abdullah berangkat dari 'Arj selepas matahari tergelincir dan beliau bersembahyang zohor di masjid (tempat sembahyang rasulullah s.a.w.) itu. (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan kepadanya (perawi) bahawa Rasulullah s.a.w. berhenti dekat pokok besar di sebelah kiri jalan di kawasan rendah sebelum Harsya.⁷⁸¹ Kawasan rendah itu bertemu dengan tepi bukit Harsya. (Jarak) Di antaranya dengan jalan itu hampir (kira-kira) sepekanah. 'Abdullah bersembahyang dengan menghadap ke arah satu pokok besar, iaitu pokok yang paling hampir daripada sekalian pokok yang lain dengan jalan. Pokok itulah yang paling tinggi (daripada yang lain-lain). (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan kepadanya (perawi) bahawa Nabi s.a.w. berhenti di kawasan rendah (tempat lalu air) yang berada paling dekat dengan Marri az-Zahran,⁷⁸² di sebelah Madinah kalau engkau turun dari Safraawat.⁷⁸³ Engkau akan turun ke perut kawasan rendah di sebelah kiri jalan kalau engkau pergi ke Mekah. Jarak persinggahan Rasulullah s.a.w. dengan jalan itu hanyalah sekadar sepelontaran batu. (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. berhenti di Zi Tuwan dan bermalam di situ sehingga pagi. Baginda berangkat ke Mekah setelah bersembahyang Subuh di situ. Tempat rasulullah s.a.w. bersembahyang di Zi Thuan ialah di kawasan tinggi yang keras, bukan di tempat (yang kemudiaannya) di bina masjid di situ tetapi di bawah sedikit daripadanya, di atas kawasan tanah tinggi yang keras. (Dengan sanad di atas juga) 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. menghadap ke arah dua lurah bukit yang memanjang di sebelah Ka'bah. Baginda s.a.w. menjadikan masjid yang dibina di sana di sebelah kiri tempatnya sembahyang, di hujung tanah tinggi yang keras itu. Tempat Nabi s.a.w. bersembahyang adalah di bawah darinya di atas tanah tinggi yang hitam. Engkau tinggalkan tanah tinggi itu sepuluh hasta atau lebih kurang sejauh itu. Kemudian engkau bersembahyang dengan menghadap ke arah dua lurah bukit itu yang berada di antara engkau dengan Ka'bah.

⁷⁸¹ Nama sebuah bukit dekat Juhfah yang terletak di pertemuan jalan Madinah dan Syam.

⁷⁸² Satu lembah yang dikenali umum sebagai Bathni Marw. Ia terletak sejauh enam belas batu dari Mekah.

⁷⁸³ Lembah-lembah dan bukit-bukau selepas Marri az-Zahraan.

أَبْوَابُ سُتْرَةِ الْمُصَلِّي

Bab-Bab Sutra Orang Yang Bersembahyang

بَابُ سُتْرَةِ الْإِمَامِ سُورَةُ مَنْ خَلْفَهُ

63- Bab: Sutra Imam Merupakan Sutra Orang-Orang Di belakangnya.⁷⁸⁵

⁷⁸⁵ Setelah selesai membincangkan hukum-hakam masjid, kelebihan masjid dan pelbagai persoalannya, Imam Bukhari mula membincangkan pula tentang hukum-hakam sutra yang juga ada kaitan dengan sembahyang dan masjid. Hakikat sutra itu ialah penghadang atau adang-adang yang merupakan penanda batas ruangan sembahyang seseorang di pihak qiblatnya. Ia mungkin berupa dinding, tiang, lembing, tongkat, hujung sejadah di sebelah qiblat atau lain-lain seumpamanya. Tujuan disyariatkan sutra di hadapan orang yang bersembahyang, antara lainnya ialah supaya: (1) Perhatian dan fikirannya tidak berkecamuk. (2) Sembahyangnya tidak terputus atau terjejas oleh apa-apa yang melintas di hadapan (di sebelah atas daripada) sesuatu yang dijadikan sebagai sutra. (3) Membolehkan orang-orang lalu dan melintas di hadapan sutra atau adang-adang itu dengan bebas tanpa menanggung dosa dan rasa bersalah. (4) Mendapat rasa khusyu' yang sangat dituntut di dalam sembahyang. (5) Mendapat pahala kerana mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Menurut Syah Waliyyullah, Imam Bukhari mengadakan tajuk bab ini untuk menyatakan dua perkara berikut: (1) Sutra imam memadai untuk ma'mum di belakangnya. Dengan adanya sutra di hadapan imam, orang yang lalu di hadapan ma'mumnya tidak akan berdosa. (2) Mengisyratkan kepada ketidakwajaran pandangan Syafi'e tentang ma'na kata-kata Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas: يُصَلِّي بِالنَّاسِ يَمْنَى إِلَى غَيْرِ جِدَارٍ (Rasulullah s.a.w. sedang menjadi imam sembahyang kepada orang ramai di Mina tanpa menghadap kepada dinding), bahawa ia bererti إِلَى غَيْرِ سُتْرَةٍ (tanpa menghadap kepada sutra). Sedangkan ma'na sebenar kata-kata Ibnu 'Abbaas itu ialah إِلَى غَيْرِ جِدَارٍ يَكُونُ هُوَ سُتْرَةً وَإِنْ كَانَتْ الْعِزَّةُ سُتْرَةً لَهُ (tanpa menghadap kepada dinding sebagai sutra, meskipun ada tongkat yang mempunyai besi di hujungnya terpacak sebagai sutra di hadapan Baginda s.a.w.). Ini kerana memang terbukti daripada pengamatan terhadap amalan Rasulullah s.a.w. bahawa apabila bersembahyang di tanah lapang, Beliau s.a.w. selalunya akan memacak tongkat seperti itu di hadapan sebagai sutra. Justeru ramai kalangan 'ulama' yang berasa hairan dengan istidlal Ibnu 'Abbaas bahawa, "Tidak ada sesiapa pun menegur aku atas perbuatanku itu." Bagaimana mereka akan menegurnya, sebab perbuatannya itu memang tidak salah pun! Rasulullah s.a.w. dalam sembahyang itu telah menjadikan tongkat Baginda sebagai sutra dan bukannya sutra imam merupakan sutra bagi orang-orang yang dibelakangnya?! Mungkin juga pandangan Syafi'e itu diberi jalan keluar yang lain dengan mengandaikan maksud kata-kata beliau إِلَى غَيْرِ سُتْرَةٍ (tanpa menghadap kepada sutra) itu ialah إِلَى غَيْرِ سُتْرَةٍ جِدَارٍ نُونٌ مُطْلَقُ السُّتْرَةِ (tanpa menghadap kepada sutra berupa dinding, bukan tanpa sutra langsung). Dengan mengandaikan Syafi'e bermaksud begini sebenarnya, tidak ada lagi percanggahan di antara pendapatnya dengan pendapat orang-orang lain. Demikianlah keterangan Syah Waliyyullah. Baihaqi sebagai salah seorang peguam bela utama mazhab Syafi'e di dalam kitabnya as-Sunan al-Kubra telah menerima pandangan Syafi'e yang disebut oleh Syah Waliyyullah itu. Beliau malah telah membuat satu bab dengan tajuk إِلَى غَيْرِ سُتْرَةٍ (Bab Orang Yang Bersembahyang Tanpa Sutra). Di bawah bab ini beliau telah mengemukakan hadits Ibnu 'Abbaas di atas sebagai dalilnya. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan hadits Ibnu 'Umar dan Abi Juhaifah iaitu hadits kedua dan ketiga di bawah bab ini memang tepat menunjukkan tajuk bab yang dibuat oleh Bukhari. Memang Rasulullah s.a.w. tidak menyuruh para sahabat yang menjadi ma'mumnya mengambil sutra untuk diri mereka selain daripada sutra Baginda s.a.w. sendiri. Tetapi hadits Ibnu 'Abbaas (hadits pertama di bawah bab ini) yang dijadikan oleh Bukhari sebagai dalil itu masih boleh dipertikaikan, kerana di dalamnya tidak tersebut Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang dengan menghadap kepada sutra. Hafiz Badariuddin al-'Aini, as-Sindi dan lain-lain pula sebaliknya mengatakan hadits Ibnu 'Abbaas juga jelas bertepatan dengan tajuk bab yang dibuat oleh Bukhari itu. Daripada kata-kata Ibnu 'Abbaas إِلَى غَيْرِ جِدَارٍ itulah Bukhari telah menyimpulkan